

# JAKMAS Ecopark jalin kolaboratif jayakan kitar semula



## DARI KAMPUS

UB 31.10.2019 15

KOTA KINABALU: JAKMAS Kediaman Ecopark bersama-sama dan Ecopark Volunteer Group (ECO-VG) menjalankan kerjasama kolaboratif dengan Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia dan Persatuan Penduduk Kondominium Ecopark Bukit Sepanggar untuk menjayakan Program Kitar Semula 2019 baru-baru ini.

Program ini bertujuan dalam memberi pendidikan dan kesedaran akan tanggungjawab menjaga alam sekitar melalui amalan kitar semula secara baik dan sistematik.

Terdapat beberapa pengisian yang dijalankan sepanjang program itu berlangsung antaranya kutipan barang-barang terpakai, pameran berkaitan program-program yang dijalankan oleh pihak Tzu Chi Foundation Malaysia meliputi aspek pendidikan, khidmat masyarakat, kesukarelawanan dan lain-lain lagi.

Di samping itu, masyarakat setempat dan mahasiswa UMS juga turut didedahkan akan pengurusan barang-barang terpakai secara sistematis melalui sesi penerangan yang disampaikan oleh wakil Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia.

Di antara tetamu jemputan yang hadir pada program berkenaan adalah wakil dari

Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia, C.K Choong, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti UMS Talib Abdullah Shani, Pengurus Persatuan Penduduk Kondominium



ALBUM: Barisan Pelajar Tahun 3 Psikologi, barisan tetamu jemputan (Faridah dari AADK KK, Dr Lailawati dan Aji Rumbuton) serta penduduk Kg Kobuni, Inanam.

Ecopark Bukit Sepanggar Aw Kee Kong dan Pengetua Kediaman Ecopark Wijaya Kamal Ramli.

Terdahulu di dalam ucapan alu-aluan daripada wakil UMS, Talib berkata pihak

universiti menyambut baik usaha-usaha penganjuran program di antara pihak UMS melalui Kolej Kediaman dengan masyarakat setempat dan pihak Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia.

“Ia bukan sahaja dapat mendidik mahasiswa/i UMS untuk menjalankan aktiviti kesukarelawanan malah turut sama menyumbang kepada semua pihak demi kebaikan bersama,” katanya.

Wakil daripada Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia, C.K Choong di dalam ucapannya gembira dan berbesar hati dengan penglibatan UMS dan penduduk Taman Ekologi Ecopark Bukit Sepanggar dalam menjayakan program ini.

Program itu dijalankan serentak di sekitar kawasan Kota Kinabalu dan akan dijalankan pada hari Ahad minggu keempat setiap bulan.

Sementara itu, Yang Dipertua JAKMAS Kediaman Ecopark bagi sesi 2019/2020 Liliana Leong Jia Lih menyatakan melalui program seumpama ini mahasiswa/i UMS amnya dan Kediaman Ecopark khususnya mendapat pengalaman baharu

berprogram bersama-sama dengan masyarakat setempat iaitu Persatuan Penduduk Kondominium Ecopark Bukit Sepanggar dan Antarabangsa seperti Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia.

“Ia merupakan satu pen-

galaman baharu bagi kami semua dan dapat membantu ke arah penambahbaikan kemahiran insaniah pelajar secara keseluruhannya,” katanya.

Wakil daripada Eco-VG merangkap Pengarah Program Kitar Semula 2019 Anis Haziera Abd Hamid, di peringkat Kelab Eco-VG sangat mengalukan kerjasama di dalam menganjurkan program berbentuk kesukarelawanan dan kesasyarakat.

Penubuhan kelab ini adalah inisiatif Pengetua Kediaman Ecopark dan di samping menjalankan fungsi asas kelab memberi bantuan kesukarelawanan di peringkat UMS dan Kediaman Ecopark.

Eco-VG juga mengalui-alukan sebarang bentuk kerjasama di luar dari kawasan ini khususnya dalam membentuk budaya kesukarelawanan di kalangan pelajar UMS bagi memberi kebaikan dan kesejahteraan hidup kepada semua pihak.